

Muis hargai jasa mendiang profesor NTU perkukuh madrasah

JASA dan sumbangan mendiang Profesor Lee Sing Kong, Naib Presiden (Alumni dan Kemajuan) Universiti Teknologi Nanyang (NTU), dalam memperkukuh sektor madrasah dengan meningkatkan keupayaan para guru madrasah amat dihargai, kata Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Mendiang Lee, 65 tahun, seorang ahli akademik yang dikenali ramai kerana dedikasinya kepada pendidikan, meninggal dunia di rumahnya pada Jumaat lalu.

Menurut kenyataan Muis semalam, mendiang Lee membantu menjalinkan kerjasama penting antara Akademi Muis (MA) dengan Institut Pendidikan Nasional (NIE).

“Ramai guru madrasah telah meraih manfaat daripada program ini yang telah memperbaiki mutu pendidikan para guru madrasah sepenuh masa,” ujar kenyataan itu.

Mendiang Lee juga telah menghadiri upacara penyampaian ijazah bagi 120 guru madrasah yang telah me-

namatkan program Diploma Khusus dari 2009 hingga 2014.

“Kehadirannya dalam upacara tersebut mengesahkan komitmennya, dan kata-kata semangat yang diberikannya memberi harapan dan inspirasi kepada para guru.

“Semangat Profesor Lee, sikap kebapaan serta minatnya kepada khidmat ini akan diingati,” tambah Muis.

Muis juga mengucapkan takziah kepada isteri mendiang, Cik Lee, dan anggota keluarga mendiang.



MENDIANG PROFESOR LEE SING KONG: Bantu jalin kerjasama penting antara Akademi Muis dengan NIE. – Foto fail